

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah cadangan dan inisiatif kepada penanaman nanas berupaya membantu sara hidup pekebun sawit atau getah, dan sejauh mana penanaman tersebut mampu menjana keberhasilan yang menguntungkan pendapatan komoditi negara.

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. industri nanas Malaysia merupakan antara industri di bawah sektor agromakanan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio ekonomi pengusaha tani negara. Pada tahun 2018, Malaysia tersenarai sebagai negara pengeluar nanas segar ke-23 terpenting dunia dan merupakan ke-5 terpenting di Asia Tenggara selepas Thailand, Filipina, Indonesia dan Vietnam.

2. Pengeluaran nanas negara pada tahun 2018 adalah sebanyak 382,811 tan metrik bernilai RM502 juta. Ia merupakan 27.7% daripada jumlah pengeluaran sektor buah-buahan di Malaysia. Pengeluaran nanas negara dijangka bertumbuh pada kadar 22.1% setahun dengan unjuran pengeluaran negara sebanyak 700,000 tan metrik pada tahun 2020. Eksport nanas negara pada tahun 2018 pula adalah bernilai RM342 juta, peningkatan sebanyak 39.18% berbanding tahun 2017.

3. Faktor penyumbang kepada peningkatan pengeluaran nanas negara adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara serta tanaman nanas yang sesuai di tanam di semua kawasan di Malaysia kecuali kawasan berpaya dan lembah. Cara penjagaan tanaman yang mudah juga menyebabkan ramai petani berminat dengan tanaman nanas. Penglibatan pekebun kecil dan estet turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan pertumbuhan pengeluaran nanas negara.

4. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah memperkenalkan **Projek Integrasi Tanaman Nanas** sebagai salah satu pendekatan untuk pembangunan kawasan tanaman nanas dan juga **usaha memberi tambahan pendapatan kepada pengusaha tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah.**

SOALAN NO : 2

5. Dalam tempoh pelaksanaan Projek Integrasi Tanaman Nanas yang telah bermula daripada tahun 2016 sehingga kini, seluas **777.0 hektar** kawasan telah dibangunkan dengan **tanaman nanas secara integrasi atau selingan bersama tanaman sawit dan getah**.

6. Berdasarkan data keluasan semasa, **53.0% kawasan tanaman integrasi** nanas di bawah program ini adalah ditanam secara **kontan dengan kelapa sawit** dan **35.0% ditanam bersama dengan tanaman getah** manakala baki 12.0% ditanam bersama tanaman dusun, buah-buahan dan kelapa.

7. Sejumlah **679 orang peserta telah menerima manfaat** melalui program ini. Secara **purata peserta** yang menyertai projek ini akan **menerima tambahan pendapatan** sebanyak **RM 2,500.00 – RM 3,500.00 sebulan** bergantung kepada keluasan tanaman dan juga jenis varieti nanas yang ditanam.

8. Melalui program ini, pekebun atau pengusaha tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah akan dapat menikmati faedah tambahan pendapatan dari sumber pendapatan utama mereka terutama apabila berhadapan dengan suasana kejatuhan harga komoditi di pasaran.

Sekian, terima kasih.